

TINJAUAN KEBERKESANAN *STUDENTNET* DARIPADA PERSEPSI PELAJAR IPGM KAMPUS BATU LINTANG

Chua Lee Chuan

Mary Wong Siew Lian

Jabatan Penyelidikan & Inovasi

Profesionalisme Keguruan

Raymond Kho Kiang Heng

Pegawai Perkhidmatan Media

ABSTRAK

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) menjadi semakin penting dalam dunia pendidikan hari ini. Penggunaan TMK bukan sahaja menjimatkan masa dan tenaga, tetapi membolehkan pengguna mencapai maklumat dengan pantas dan mudah. Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan StudentNet daripada persepsi pelajar. Seramai 195 orang pelajar (71 lelaki, 124 perempuan) telah dipilih secara rawak untuk memberi respons kepada soal selidik kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir semua responden mempunyai komputer riba dan melayari StudentNet untk merujuk jadual waktu kumpulan, membaca pengumuman dan merujuk jadual penggunaan bilik darjah. Secara keseluruhan, tahap keberkesanan StudentNet yang dilaporkan oleh responden adalah pada tahap 'amat berkesan.' Responden berpendapat bahawa StudentNet paling berkesan sekali dari segi membolehkan mereka merujuk kepada jadual waktu kumpulan. Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tahap keberkesanan yang dilaporkan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kelebihan, kekurangan dan cadangan responden untuk menambah baik StudentNet juga disertakan dalam laporan ini.

Kata kunci: aplikasi TMK, StudentNet, persepsi pelajar, keberkesanan

ABSTRACT

Information communication and technology (ICT) has become increasingly important in the world of education. The use of ICT not only saves time and energy, it also enables users to access information faster and easier. This study was carried out to assess students' perceptions on the effectiveness of StudentNet. A sample consisting of 195 students (71 males, 124 females) was randomly selected to give their responses to a questionnaire on StudentNet. The findings showed that almost all the respondents owned a laptop and accessed StudentNet to obtain information on their group timetable, read announcements, and obtain information on classroom usage. Overall, students perceived the level of effectiveness of StudentNet as 'very effective'. StudentNet was most effective in enabling them to obtain information on their group timetable. Statistical analysis using t-test reviewed that there was no significant gender difference in students' perceptions on the effectiveness of StudentNet. The strengths, weaknesses and suggestions for improvement put forward by respondents were also included in this report.

Keywords: *ICT application, StudentNet, students' perceptions, effectiveness*

PENGENALAN

Teknologi maklumat dan komunikasi menjadi semakin penting dalam dunia pendidikan hari ini (Selwyn, Marriott, C., & Marriott, P., 2000). Dunia pendidikan amat memerlukan TMK untuk membantu warga pendidik mencapai matlamat pendidikan iaitu memberi perkhidmatan pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti demi mencapai aspirasi negara. Di peringkat institusi pendidikan, TMK adalah satu aset yang amat berharga dalam alam pembelajaran. Prasarana teknologi maklumat menjadikan pembelajaran kini tidak lagi terhad kepada ilmu yang diperoleh daripada para pendidik di institusi pendidikan (Ranjit Kaur Gurdial Singh, 2002) dan proses pembelajaran tidak lagi terhad kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan di bilik darjah. Penggunaan aplikasi TMK yang terkini membolehkan pelajar memperoleh pembelajaran pada setiap masa, di mana-mana sahaja dan dalam apa sahaja bidang yang diminati. Pelbagai maklumat atau ilmu dapat dicapai dengan mudah oleh pelajar melalui pelbagai multimedia dan teknologi pendidikan seperti *internet, intranet, CikguNet* dan *StudentNet*.

Kini jelas bahawa perkembangan media dan teknologi pendidikan telah banyak mempengaruhi corak pendidikan dan alam pembelajaran. Sebagai sebuah institusi yang mengutamakan aplikasi TMK, IPGM KBL juga tidak ketinggalan dalam usaha membina dan membangunkan teknologi pendidikan untuk memudahkan dan membantu pendidik guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komitmen institut dalam mengutamakan teknologi pendidikan boleh dilihat dari pelbagai perancangan dan pelaksanaan TMK yang telah dilaksanakan seperti penyediaan perisian pengajaran dan pembelajaran, penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur seperti makmal komputer dan perkakasan seperti komputer riba, projektor kristal cecair (LCD), pelayan (*server*), dan kemudahan intranet untuk kegunaan pendidik guru di institut. Penggunaan *intranet* telah banyak memberi manfaat kepada pendidik guru dari segi membekalkan maklumat yang diperlukan dalam urusan seharian.

Selain menyediakan TMK untuk kegunaan pendidik guru, baru-baru ini IPGM KBL telah berjaya membangunkan *StudentNet* untuk kegunaan para pelajar institut (rujuk Lampiran A). *StudentNet* telah dilancarkan pada 6 Julai 2009. *StudentNet* telah dibangunkan atas usaha salah seorang pegawai perkhidmatan media IPGM KBL, iaitu En. Raymond Kho Kiang Heng (juga penyelidik dalam kajian ini). *StudentNet* adalah satu media saluran maklumat untuk membolehkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Unit Peperiksaan, Unit Praktikum dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar menyebarkan pengumuman penting dan terkini untuk pengetahuan dan tindakan para pelajar. Kemudahan ini juga membolehkan pelajar menyertai forum untuk berbincang dan berkongsi ilmu antara rakan-rakan di institut. Maklumat lain yang boleh diperolehi dari *StudentNet* ialah jadual waktu kuliah, senarai nama tutor, ketua kumpulan dan pelajar.

Pernyataan Masalah

Penggunaan teknologi maklumat amat penting sekali dalam alam pendidikan. Menurut, Bricolo, Gentile, Smelser dan Serpelloni (2007), penggunaan teknologi maklumat seperti *internet* tidak lagi dianggap sebagai satu kemewahan bagi golongan yang berada. Malah, telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian dan juga satu sumber yang amat diperlukan oleh semua pihak.

Fungsi *StudentNet* yang dihasilkan oleh IPGM KBL tidak terlalu berbeza dengan fungsi *internet*. Kedua-dua kemudahan ini membekalkan maklumat tetapi penggunaan *StudentNet* adalah terhad dan terkawal. Hanya pengguna yang mempunyai hak capaian atau mempunyai akaun yang aktif boleh mencapai maklumat yang terkandung dalam *StudentNet*. *StudentNet* juga merupakan tambahan kepada infostruktur yang sedia ada di samping meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan guru menerusi penyediaan prasarana pembelajaran yang berkesan.

Maklumat awal yang diperoleh melalui tinjauan secara tidak formal menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar institut sudah memiliki komputer riba dan pelajar kerap menggunakan kemudahan rangkaian tanpa wayar untuk membantu mereka dalam urusan pembelajaran seharian. Akan tetapi, maklumat sebenar tentang penggunaan *StudentNet* dan persepsi pelajar terhadap keberkesanan kemudahan teknologi ini belum lagi diketahui.

Tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak kajian tentang penggunaan *internet* (Bricolo, Gentile, Smelser & Serpelloni, 2007; Neelapala, Duvvi, Kumar & Kumar, 2006; Ranjit Kaur Gurdial Singh, 2002) tetapi kajian tentang penggunaan *internet* terkawal seperti *StudentNet* masih kekurangan. Oleh itu kajian ini diadakan untuk memperoleh maklum balas daripada pelajar institut tentang kekerapan menggunakan *StudentNet* dan keberkesanan kemudahan aplikasi TMK ini. Maklum balas ini adalah penting untuk mengetahui kelebihan dan kekurangan *StudentNet* supaya tindakan susulan boleh diambil untuk meningkatkan kualitinya.

Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mendapat maklum balas daripada pelajar IPGM KBL tentang penggunaan dan keberkesanan *StudentNet*. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah kekerapan dan tujuan pelajar menggunakan *StudentNet*?
2. Apakah tahap keberkesanan *StudentNet* dari perspektif pelajar?
3. Adakah terdapat perbezaan min keberkesanan *StudentNet* yang signifikan antara jantina yang dikaji?
4. Apakah kelebihan, kekurangan serta cadangan penambahbaikan kepada *StudentNet*?

KAEDAH KAJIAN

Sampel

Kajian yang bersifat tinjauan deskriptif ini telah dilakukan terhadap 195 orang pelajar (71 lelaki, 124 perempuan) yang dipilih secara rawak daripada 348 orang pelajar yang pernah *log-in*, melayari dan menggunakan *StudentNet* sejak pelancarannya pada 6 Julai 2009.

Instrumen Kajian

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang direka oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat. Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B

dan C. Bahagian A bertujuan untuk mengumpul maklumat pelajar. Bahagian B mengandungi 20 item untuk mengesan persepsi pelajar tentang keberkesanan *StudentNet*. Pelajar dikehendaki memberi respons kepada setiap item dengan menggunakan skala ala-Likert 4-mata iaitu 1 mewakili *tidak setuju*, 2 mewakili *kurang setuju*, 3 mewakili *setuju* dan 4 mewakili *sangat setuju*. Dalam Bahagian C, pelajar diberi peluang untuk memberi komen tentang kelebihan dan kekurangan *StudentNet* dan juga cadangan untuk penambahbaikan *StudentNet*.

Kajian Rintis

Kajian rintis yang melibatkan 29 orang pelajar (8 lelaki, 21 perempuan) yang mewakili sampel sebenar telah dilakukan untuk menguji kesesuaian soal selidik ini. Dari kajian rintis itu, didapati nilai pekali kebolehpercayaan item-item dalam Bahagian B ialah .88. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh bagi sampel ini (N = 195) ialah .93, menunjukkan item-item dalam Bahagian B mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Semasa pelaksanaan kajian rintis, pelajar yang terlibat juga diminta untuk memberi komen tentang kejelasan setiap item dan arahan untuk setiap bahagian soal selidik. Seterusnya, cadangan penambahbaikan mereka diambil kira dalam usaha menambah baik soal selidik ini.

Analisis Data

Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan program SPSS dan dilapor dalam bentuk peratusan, min dan sisihan piawai. Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min keberkesanan *StudentNet* mengikut jantina responden. Bagi menentukan tahap keberkesanan *StudentNet*, skala ala-Likert 4 mata telah dibahagikan kepada 3 kategori iaitu, kurang berkesan, berkesan dan amat berkesan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Penentuan Tahap Keberkesanan *StudentNet*

Kategori	Julat Min
Kurang Berkesan	1.00 – 1.99
Berkesan	2.00 – 2.99
Amat Berkesan	3.00 – 4.00

Data kualitatif dari Bahagian C dianalisis dan dikategorikan mengikut cara yang disarankan oleh Ritchie dan Spencer (1994). Cara ini melibatkan langkah-langkah berikut: (i) membaca semua respons pelajar untuk

mengenali data, (ii) membaca semula respons pelajar sambil mengenal pasti kategori-kategori yang mengulang, (iii) menentukan kategori-kategori data yang ada, (iv) membina jadual kategori-kategori yang telah dikenal pasti, (v) memurnikan atau menyatukan kategori-kategori, dan (vi) menyemak dan mengekod semula respons pelajar mengikut jadual kategori yang telah dibina. Sebagai usaha menyemak ketekalan proses mengekod data, kira-kira 20% skrip responden (iaitu 40 skrip) dipilih secara rawak untuk dikod semula secara berasingan dua minggu kemudian. Statistik kappa Cohen (1988) yang didapati ialah .89, menunjukkan tahap persetujuan antara pengkodan adalah tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan seramai 195 orang pelajar yang terdiri daripada 71 orang (36.4%) pelajar lelaki dan 124 orang (63.6%) pelajar perempuan (sila rujuk Jadual 2). Responden yang dikaji sedang mengikuti pelbagai kursus perguruan dalam institut, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Seramai 72.3% daripada responden ialah pelajar yang sedang mengikuti program persediaan, 25.1% program ijazah, sementara 2.6% mengikuti kursus diploma pendidikan.

Jadual 2

Kekerapan dan peratusan mengikut jantina dan program perguruan

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Program persediaan	50	91	141 (72.3)
Program Ijazah	21	28	49 (25.1)
Kursus diploma	0	5	5 (2.6)
Jumlah	71 (36.4)	124 (63.6)	195 (100)

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

Kekerapan dan Tujuan Penggunaan *StudentNet*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir semua responden yang dikaji (96%) mempunyai komputer riba untuk melayari *StudentNet* sekurang-kurangnya sekali setiap hari (23.2%), setiap minggu (44.8%) dan setiap bulan (32%). Apabila ditinjau dengan lebih terperinci, didapati tempoh masa kebanyakan responden (70%) melayari *StudentNet* adalah kurang daripada

30 minit. Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan tujuan responden mengguna *StudentNet*. Tiga tujuan utama responden mengguna *StudentNet* adalah untuk merujuk jadual waktu (M = 3.06), membaca pengumuman dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (M = 2.98) dan merujuk jadual penggunaan bilik kuliah (M = 2.61). Tujuan lain seperti menyertai e-forum, melihat gambar, merujuk nama ketua kumpulan, nama pelajar dan nama tutor kumpulan, walaupun disediakan, tetapi agak kurang digunakan oleh responden berbanding dengan ketiga-tiga tujuan utama yang dilaporkan.

Jadual 3

Min dan sisihan piawai kekerapan bagi setiap tujuan mengguna *StudentNet*

Bil	Tujuan mengguna <i>StudentNet</i>	Min	SP
1	Membaca pengumuman Jabatan HEP	2.98	0.93
2	Menyertai e-forum	1.65	0.89
3	Merujuk kepada Jadual Waktu	3.06	0.92
4	Merujuk kepada Jadual penggunaan bilik kuliah	2.61	1.07
5	Merujuk kepada senarai nama pelajar	2.57	0.95
6	Merujuk kepada senarai nama tutor kumpulan	2.24	0.98
7	Merujuk kepada senarai ketua kumpulan	1.95	0.89
8	Melihat galeri gambar	2.50	1.00

Nota. SP = Sisihan Piawai

Keberkesanan *StudentNet*

Keberkesanan *StudentNet* telah ditinjau dengan menggunakan 20 pernyataan kuantitatif (Bahagian B) dan tiga soalan terbuka untuk mendapatkan maklum balas responden terhadap kemudahan *StudentNet* yang disediakan (Bahagian C). Secara keseluruhan, tahap keberkesanan *StudentNet* yang dilaporkan oleh responden dalam Bahagian B adalah amat berkesan dengan min keseluruhan, 3.03 dan sisihan piawai .48. Min dan sisihan piawai bagi maklum balas responden terhadap semua pernyataan dalam Bahagian B dipaparkan dalam Jadual 4. Daripada 20 pernyataan, sebanyak 12 pernyataan mencapai min di bawah kategori amat berkesan (3.03 - 3.40) manakala bagi 8 pernyataan yang lain, mencapai min di dalam kategori berkesan (2.63 - 2.98).

Bagi kategori amat berkesan, responden berpendapat bahawa *StudentNet* paling berkesan sekali untuk membolehkan mereka merujuk jadual waktu kumpulan (M = 3.40) yang kerap dikemaskinikan oleh Jawatankuasa Jadual Waktu apabila institut menerima kumpulan pelajar yang baru. Responden juga berpendapat bahawa kemudahan *StudentNet* patut dikekalkan dalam *intranet* IPGM KBL (M = 3.37) kerana *StudentNet* amat berguna (M = 3.12)

dan mesra pelanggan (M = 3.07) serta memudahkan responden mengenali IPGM KBL (M = 3.12).

Jadual 4

Min dan sisihan piawai keberkesanan *StudentNet*

Bil	Item	Min	SP
1	Memudahkan saya memperoleh maklumat yang terkini (pengumuman)	3.15	0.75
2	e-Forum memberi peluang kepada saya melakukan perbincangan dengan rakan secara <i>online</i>	2.67	0.82
3	Memudahkan saya memperoleh Jadual Waktu kumpulan	3.40	0.76
4	Maklumat yang diperolehi melalui <i>StudentNet</i> amat berguna	3.12	0.67
5	Memudahkan saya memperoleh senarai nama pelajar	3.29	0.66
6	Penggunaan <i>StudentNet</i> menjimatkan masa & tenaga mencari maklumat	3.05	0.80
7	Memudahkan saya memperoleh maklumat tentang ketua kumpulan	2.92	0.70
8	Galeri gambar aktiviti institut amat menghiburkan	2.72	0.76
9	Maklumat yang dipaparkan dalam <i>StudentNet</i> cukup jelas	2.90	0.71
10	Memudahkan saya memperoleh maklumat tentang penggunaan bilik kuliah	3.07	0.81
11	Maklumat yang terdapat di <i>StudentNet</i> amat berkualiti	2.94	0.68
12	<i>StudentNet</i> memudahkan saya mendapat maklumat yang dikehendaki	2.95	0.71
13	Kemudahan <i>StudentNet</i> mewujudkan perasaan kekitaan sebagai ahli warga IPGM KBL	3.03	0.78
14	Penggunaan <i>StudentNet</i> meningkatkan kemahiran komputer saya	2.63	0.84
15	Saya berasa bangga kerana dapat <i>log-in</i> sebagai ahli <i>StudentNet</i> institut ini	3.17	0.72
16	Memudahkan saya memperoleh maklumat tentang tutor kumpulan	2.98	0.65
17	<i>StudentNet</i> membantu saya mengenali IPGM Kampus Batu Lintang	3.12	0.70
18	<i>StudentNet</i> patut dikekalkan dalam intranet IPGM Kampus Batu Lintang	3.37	0.65
19	Saya amat berpuashati dengan adanya kemudahan <i>StudentNet</i>	3.03	0.74
20	<i>StudentNet</i> adalah mesra pelanggan (user friendly)	3.07	0.70
Keseluruhan		3.03	0.48

Nota. SP = Sisihan Piawai

Responden juga mengguna *StudentNet* untuk memperoleh maklumat penting seperti nama pelajar (M = 3.29), pengumuman (M = 3.15) dan penggunaan bilik kuliah (M = 3.07). Kemudahan ini bukan hanya menjimatkan masa dan tenaga responden dalam mencari maklumat berkaitan (M = 3.05) tetapi mereka berasa amat puas hati (M = 3.03) dan bangga kerana dapat 'log-in' sebagai ahli *StudentNet* (M = 3.17). Secara tidak langsung, *StudentNet* telah mewujudkan perasaan kekitaan sebagai ahli warga IPGM KBL (M = 3.03).

Bagi pernyataan yang mencapai min di dalam kategori berkesan, *StudentNet* yang disediakan membolehkan responden memperoleh maklumat yang dikehendaki (M = 2.95), berkualiti (M = 2.94) dan jelas (M = 2.90) seperti nama tutor kumpulan (M = 2.98) dan nama ketua kumpulan (M = 2.92). Secara perbandingan dari segi tahap keberkesanan, responden kurang setuju bahawa kemudahan *StudentNet* boleh meningkatkan kemahiran komputer (M = 2.63) atau memberi peluang untuk mereka melakukan perbincangan dengan rakan dengan menggunakan e-forum (M = 2.67). Mereka juga berpendapat bahawa galeri gambar aktiviti institut yang dipaparkan dalam *StudentNet* kurang menghiburkan (M = 2.72). Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa secara amnya, kemudahan *StudentNet* adalah berkesan.

Keberkesanan *StudentNet* mengikut Jantina Responden

Melalui ujian-t, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tahap keberkesanan *StudentNet* yang dilaporkan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan (Jadual 5). Walaupun keberkesanan yang dilaporkan oleh lelaki adalah lebih tinggi (M = 3.09) berbanding dengan yang dilaporkan oleh perempuan (M = 3.00) tetapi perbezaan min sebanyak .91 adalah tidak signifikan.

Jadual 5

Keputusan Ujian-t

	Min	Perbezaan min	Nilai F	Darjah kebebasan	Signifikan
Lelaki	3.09	0.9	.01	177	0.91
Perempuan	3.00				

Kelebihan, Kekurangan dan Cadangan Penambahbaikan kepada *StudentNet*

Dapatan dari respons pelajar kepada Bahagian C dalam soal selidik amat menggalakkan juga. Respons mereka dianalisis dan diletakkan dalam kategori-kategori yang sesuai, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6. Dari segi kelebihan *StudentNet*, seramai 21.03% pelajar mengatakan mereka dapat mengetahui maklumat atau pengumuman terbaru melaluinya sementara ramai daripada pelajar (42.05%) berpendapat bahawa *StudentNet* memudahkan pencarian maklumat. Kelebihan lain yang dinyatakan oleh pelajar ialah faedah e-forum (3.08%), kecekapan mengakses maklumat (5.13%), memudahkan mereka mengenali IPGM KBL (5.64%), dan kualiti tinggi *StudentNet* (4.61%).

Jadual 6

Kategori dan Peratusan Respons Pelajar tentang Kelebihan, Kekurangan dan Cadangan Penambahbaikan kepada *StudentNet* (N = 195)

Bil	Respons	Peratusan
Kelebihan		
1	Dapat mengetahui maklumat terkini/pengumuman terbaharu	21.03
2	Memudahkan pencarian Jadual Waktu, penggunaan bilik kuliah, senarai nama pelajar, nama ketua kumpulan, nama tutor kumpulan	42.05
3	e-Forum mewujudkan semangat kekitaan/merupakan saluran untuk meluahkan perasaan/berinteraksi	3.08
4	Dapat mencari maklumat dengan cepat di mana-mana dan pada bila-bila masa	5.13
5	Memudahkan pelajar mengenali IPGM KBL	5.64
6	Sentiasa memaparkan maklumat terkini dan diatur dengan baik, lengkap, dan jelas	4.61
7	Tiada komen	18.46
Kekurangan		
1	Paparan media kurang menarik atau kurang ceria	21.54
2	Fungsi dalam <i>StudentNet</i> sedikit sahaja dan maklumat terhad	14.88
3	Sukar melayarinya sebab akses kepada rangkaian tanpa wayar adalah terhad	21.02
4	Maklumat kadang kala kurang kemas kini	11.79
5	Masalah <i>log-in</i> atau sukar membuka laman web	8.72
6	Tiada komen	22.05
Cadangan Penambahbaikan		
1	Meningkatkan lagi kualiti maklumat yang dipaparkan	15.89
2	Menambahkan fungsi dan maklumat dalam <i>StudentNet</i>	17.95
3	Menambah baik sistem rangkaian tanpa wayar di institut	21.54
4	Sentiasa kemas kini maklumat	9.23
5	Memaparkan nota-nota mata pelajaran untuk rujukan pelajar	3.08
6	Membanyakkan promosi mengenai <i>StudentNet</i> supaya lebih ramai	1.03

	pelajar tahu dan akan melayarinya	
7	Tiada cadangan	31.28

Respons pelajar terhadap kekurangan *StudentNet* pula menunjukkan bahawa *StudentNet* kurang menarik atau kurang ceria (21.54%), bilangan fungsi yang ada dalamnya boleh ditambahkan lagi (14.88%), sistem rangkaian tanpa wayar institut adalah terhad sehingga sukar untuk mereka mengakses *StudentNet* (21.02%), kadang kala maklumatnya kurang kemas kini (11.79%), dan masalah *log-in* kepada *StudentNet* (8.72%).

Kebanyakan cadangan penambahbaikan yang diberi sebenarnya mencerminkan kekurangan yang telah dibangkitkan, iaitu perlu menjadikan *StudentNet* lebih menarik atau ceria (15.89%), menambahkan fungsi dan maklumat dalam *StudentNet* (17.95%), dan menaik taraf sistem rangkaian tanpa wayar institut (21.54%). Cadangan penambahbaikan yang lain termasuk sentiasa mengemas kini maklumat yang dipaparkan (9.14%), memaparkan bahan-bahan rujukan (3.08%), dan membanyakkan promosi mengenai *StudentNet* (1.03%) supaya lebih ramai pelajar akan melayarinya.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelajar yang terlibat dalam kajian berpendapat bahawa kemudahan *StudentNet* yang disediakan oleh pihak institut adalah amat berkesan. Responden melaporkan bahawa *StudentNet* membolehkan mereka mendapat maklumat yang dikehendaki seperti jadual waktu kumpulan, penggunaan bilik kuliah, nama pelajar, tutor, ketua kumpulan dan pengumuman dari semasa ke semasa. Maklumat yang dibekalkan dalam *StudentNet* bukan hanya menjimatkan masa dan tenaga responden dalam mencari maklumat di merata tempat, tetapi senang dicapai kerana *StudentNet* adalah mesra pelanggan. Bagi pelajar baharu, *StudentNet* membantu mereka mengenali institut.

Dapatan kajian ini adalah amat menggalakkan terutamanya bagi pentadbir institut yang sememangnya mengharapkan bahawa masa yang diluahkan untuk membangunkan *StudentNet* tidak akan sia-sia sahaja. *StudentNet* diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pelajar yang menggunakannya. Projek *StudentNet* adalah bukti komitmen institut dalam usaha mengembangkan TMK untuk kegunaan warga pendidik guru dan bakal pendidik. Dapatan kajian ini, yang amat positif, akan menambahkan lagi semangat, kreativiti dan daya inovasi pihak institut untuk sentiasa berusaha dan memberi keutamaan kepada pembinaan infrastruktur dan infostruktur yang boleh meningkatkan lagi kualiti pendidikan guru.

Walau bagaimanapun, kekurangan yang dilaporkan oleh responden perlu diberi perhatian dan langkah-langkah pembetulan atau tindakan

pengecahan perlu diambil dengan segera untuk mengatasi segala keraguan dan kesulitan yang dialami oleh pelajar. Pihak IPGM KBL memang sedang berusaha untuk mengatasi masalah sistem rangkaian tanpa wayar yang terhad melalui pemasangan sistem jaringan kampus dan dijangkakan akan siap pada tahun depan

Maklum balas tentang cadangan penambahbaikan juga amat berguna kepada pegawai perkhidmatan media dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti *StudentNet* dan menampung keperluan-keperluan pelajar. Dengan adanya maklum balas ini, langkah-langkah akan diambil untuk menambah baik *StudentNet* dari segi keceriaannya, sentiasa mengemas kini maklumat yang dipaparkan, dan memudahkan proses *log-in* bagi para pelajar. Usaha penambahbaikan *StudentNet* merupakan matlamat institut untuk mewujudkan *StudentNet* yang terbaik agar ianya dapat menyumbang ke arah pencapaian visi dan misi institut, iaitu memberi perkhidmatan pendidikan guru yang bertaraf dunia dari segi kualiti supaya aspirasi negara dapat direalisasikan.

RUJUKAN




- Bricolo, F., Gentile, G. A., Smelser, R. L., & Serpelloni, G. (2007). Use of the computer and internet among Italian families: First national study. *Cyber Psychology & Behavior*, 10(6), 789-797.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Neelapala, P., Duvvi, S. K., Kumar, G., & Kumar, B. N. (2006). Do gynaecology outpatients use the internet to seek health information? A questionnaire survey. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 14, 300-304.
- Ranjit Kaur Gurdial Singh (2002). *Tinjauan penggunaan internet di kalangan guru pelatih Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) ke arah pembelajaran elektronik*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pendidikan di Maktab Perguruan Batu Lintang, 2002.
- Ritchie, J. & Spencer, L. (1994). Qualitative data analysis for applied policy research. In A. Bryman & R. Burgess (Eds.), *Analyzing Qualitative Data* (pp. 173-193). London: Routledge.
- Selwyn, N., Marriott, N., Marriott, C., & Marriott, P. (2000). Net gains or net pains? Business students' use of the internet. *Higher Education Quarterly*, 54(2), 166-186.

Lampiran A

StudentNet IPGM KBL



Selamat Pagi System Administrator Tarikh : Ahad, 4 hb Oktober 2009

<p>Pengumuman Oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar</p> <p>Kemas Kini Data Kedatangan di Komputer Melalui Wakil Ketua Kumpulan</p> <p>Semua Ketua Kumpulan dikehendaki menyerahkan 'soft copy' kepada wakil Ketua Kumpulan untuk dimuatnaik di komputer HEP segera. Setakat ini cuma Kumpulan PPISMP Ambilan Julai 2009 dan PISMP Amb. Jan '09 sahaja yang mengemaskinikan refoed sehingga bulan Ogos 2009. Tahniah dan terima kasih. Kumpulan-kumpulan lain yang diminta mengambil tindakan segera ialah: 1. B Edu Otago (Ambilan Jan '09)Kump. 2 dan 3; 2. KDPI KEMAS Amb. Jul '07; 3. P. BEdu Otago (Amb. Jul '08) Kump. 1,2 dan 3; 4. PISMP Amb. Jan '07 Kump. MT, PC dan PM; 5. PISMP Amb. Jan '08 - Kump. MT dan PC; 6. PISMP-OUM Amb. Jan. '06; 7. PPISMP Amb. Jul '08 (semua kumpulan); 8. KPLI Amb. Jan. '09 (semua kumpulan); dan 9. KPLI Amb. Jun '09 (semua kumpulan). Sekian, harap maklum dan terima kasih. Daripada En. Tan, HEP.</p> <p>Panduan Meletak Kenderaan</p> <p>Kepada semua pelajar IPGM Kampus Batu Lintang, Setelah membuat pemantauan dan memberi peringatan berulang kali, pihak HEP masih mendapati ada segelintir pelajar yang masih tidak mematuhi peraturan meletak kenderaan secara teratur dan menghalang laluan pengguna-pengguna kenderaan yang lain. Oleh hal yang demikian, pihak HEP telah mengambil keputusan untuk mengunci kenderaan-kenderaan yang didapati melanggar peraturan meletak kenderaan di kawasan kampus ini. Ini adalah peringatan terakhir supaya semua pelajar akur akan peraturan institut ini. Sekian, harap maklum. Terima kasih. Daripada YH Tan, HEP</p> <p>Tempat Meletak Kenderaan [Kereta dan Motorsikal]</p> <p>Semua pelajar dinasihatkan agar meletak kenderaan masing-masing di tempat yang disediakan di lapangan meletak kenderaan di kawasan TAZA dan perkarangan masjid serta di</p>	<p>Pengumuman Oleh Ketua Unit Praktikum</p> <p>Pengumuman Oleh Ketua Unit Peperiksaan</p> <p>Keputusan peperiksaan Akhir KPLI KDC SKM Ambilan Nov 2007</p> <p>Pelajar boleh log-in http://apps.emoe.gov.my/bpg/e-keputusan untuk melihat keputusan individu bagi peperiksaan akhir. sekian terima kasih. Daripada: KU Peperiksaan</p> <p>Galeri Gambar</p> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;">  <p style="font-size: x-small;">Minggu Pengurusan Pelajar PPISMP Ambilan Julai 09</p> </div> <div style="width: 45%;">  <p style="font-size: x-small;">Perayaan Hari Guru, Hari-Q. Hari Keluarga IPGMKBL 09</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;">  <p style="font-size: x-small;">Warga IPGM KBL derma darah</p> </div> </div>
--	---

 Pautan **Jadual Waktu Kuliah (Baru)** **Senarai Nama Pelajar** **Senarai Tutor Kumpulan** **Senarai Ketua kumpulan** **Forum Umum** Forum ini disediakan untuk pelajar IPGMKBL berinteraksi secara dalam talian. Sila gunakannya untuk perbincangan yang sihat, positif dan boleh membantu antara satu sama lain. Elak daripada perbincangan yang kurang sesuai seperti menghina, menkritik dan sebagainya. **Senarai Perbincangan** **Mula Perbincangan Baru** **Warden Bertugas Hari Ini** 1. Mohd. Hajiman Jusak 2. Rojiah Abdullah **No. Telefon Penyelia & Juruteknik** **e-Aduan** Sistem e-Aduan disediakan sebagai perkhidmatan mesra pelanggan untuk membolehkan |